

23 APR 1997

SYARIKAT BROKER SAHAM SUMBANG RM10 JUTA KEPADA PERTUBUHAN KEBAJIKAN

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali malam ini menghadiri malam amal anjuran Persatuan Syarikat-syarikat Broker Saham Malaysia di sini, malam ini.

Sejumlah RM10 juta diperuntukkan oleh syarikat-syarikat broker saham itu untuk disumbangkan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan yang dipilih Perdana Menteri.

Sumbangan sebanyak RM5.7 juta disampaikan oleh Dr Mahathir pada majlis amal itu manakala bakinya sebanyak RM4.3 juta akan diserahkan beliau pada satu majlis yang lain.

Pada majlis itu, Badan Amal Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) menerima sumbangan paling banyak iaitu RM2 juta. Yang Dipertua Bakti Dr Siti Hasmah menerima cek itu daripada Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ZAB NAK